

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5 June 2015

Najib ikrar terus pimpin negara, capai agenda dihasratkan

'Tidak patah semangat'

■ KUCHING 4 JUN

“SAYA tidak akan patah semangat, darah dalam diri saya ini bukan darah sembarangan, saya mungkin dilihat adakalanya bersemangat diplomatik, tapi semangat kepahlawanan tetap ada dalam saya.

“Jangan pandang rendah saya, saya akan terus berjuang, dan saya yakin BN Sarawak akan bersama saya,” kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sarawak menjadi negeri terkini (selepas Sabah dan Perlis) bagi Najib yang akan membolehkan beliau tidur dengan nyenyak, selepas melihat sokongan padu Sarawak kepada Barisan Nasional (BN) yang diterajui beliau.

“Ketua Menteri Sarawak (Tan Sri

Adenan Satem) tadi kata awak tidak berseorangan, saya sambut dengan (berkata) saya gembira kerana saya tidak berseorangan. Malam ini saya boleh tidur nyenyak, isteri saya pun boleh tidur nyenyak, kami tidur se-bantal, mimpi pun sama, kami rasa lega kerana Sarawak BN jelas begitu ikhlas menyokong, saya boleh baca hati orang,” katanya.

Menurutnya, beliau adalah Perdana Menteri yang paling kerap melawat Sarawak dan kehadirannya tidak pernah dengan tangan kosong kerana dalam tempoh lima tahun pentadbirannya, beliau telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah lebih RM1 billion secara ‘serta-merta’ untuk Sarawak.

Berucap dalam Majlis Pemimpin Bersama Rakyat #sarawakformajib di Stadium Perpaduan di sini hari

ini, Perdana Menteri berkata, beliau yakin di bawah kepimpinan Adenan, BN akan terus mendapat mandat besar di Sarawak, menjadi pembuka tirai kepada kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau yang memuji kehebatan Adenan menerajui Sarawak berkata: “Dia (Adenan) hanya minta satu penggal saja (Pilihan Raya Negeri akan datang), lima tahun lagi pentadbiran, bukannya 22 tahun”.

Najib berkata, Perdana Menteri sebelum ini turut mengharungi pelbagai masalah besar dalam pentadbiran, dan disebabkan sokongan setia sebagaimana yang dicurahkan beliau kepada pemimpin-pemimpin sebelum ini, membolehkan Perdana Menteri sebelumnya kekal berkuasa, ada sehingga 22 tahun.

“Ini zaman saya sebagai PM (Per-

dana Menteri), takkan saya kena turun kerana kehendak seorang. Saya dipilih siapa? Rakyat bukan rakyat Malaya (Semenanjung Malaysia) saja. Rakyat Sarawak juga memilih saya sebagai ‘Apai Besai’. Saya nak tanya orang Sarawak ...nak lagi saya jadi PM ke tidak?” kata beliau dengan disambut dengan sorakan gemuruh “nak”.

“Saya akan terus pimpin negara kita, saya akan terus berjuang kerana banyak agenda kita belum selesai, paling utama kita nak wujudkan sebuah negara Malaysia yang maju.

Katanya, BN mahukan kemenangan besar dalam pilihan raya akan datang, kemenangan yang cukup meyakinkan dan apabila menang nanti pula, mereka perlu bersikap merendah diri.

UM - 5/6/2015